

dengan syariat-syariat yang diturunkan sebelumnya syariat Islam diturunkan hanya mengambil masa 23 tahun sahaja, iaitu bermula dari hari dibangkitkan Nabi Muhammad (S.A.W) menjadi rasul dan berakhir pada hari wafatnya baginda menunaikan panggilan Ilahi ke alam ukhrawi; ataupun menurut riwayat yang lain berakhirnya syariat Islam, ialah pada hari diturunkan ayat: ***“al-yawma akmaltu lakum dīnakum waatmamtu ‘alaykum ni’mati waraḏītu lakum al-Islām dīnā.”*** Yang bererti: “Pada hari ini Aku telah sempurnakan kepada kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan atas kamu nikmat-Ku, dan Aku telah reda Islam itu sebagai agama buat kamu.”

Inilah satu dalil yang sah menunjukkan kebenaran dan kesempurnaan syariat Islam yang telah diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad sebagai penyudah sekalian nabi-nabi dan rasul-rasul sebagaimana firman-Nya di dalam sūrah al-Aḥzāb ayat (40):

“Mā kāna Muḥammad abā aḥad min rijālikum walakin rasūl Allāh wakhātama al-nabiyyin”

Ertinya: “Bukanlah Muhammad itu sebagai bapa kepada seseorang dari laki-laki kamu, tetapi ia seseorang Pesuruh Allah dan Penyudah sekalian nabi-nabi.”

Barangsiapa yang suka mengkaji tentang hukum-hukum yang terkandung di dalam syariat Islam dengan kajian secara perincian satu per satu, nescaya akan mereka dapati bahawa syariat Islam itu adalah sebuah syariat yang telah lengkap sempurna, tidak ada sesuatu kekurangan pun di dalamnya, sama ada dari segi perseorangan,

masyarakat, mahupun dalam jurusan pemerintahan. Syariat Islam adalah suatu undang-undang dan tata tertib hidup yang terdiri daripada beberapa hukum untuk mengatur cara-cara hidup, sama ada dari segi muamalat yang ada perhubungannya dengan soal hidup dan politik, juga yang ada perhubungannya dengan soal masyarakat umum, soal perhubungan dan pertikaian di antara sesebuah negara dengan negara yang lain, tegasnya dalam soal peperangan dan keamanan.

Syariat Islam diturunkan bukan khas untuk sesuatu zaman, untuk sesuatu waktu dan untuk sesuatu masa, malahan untuk semua zaman, semua masa dan semua waktu. Oleh itu setiap hukum yang terkandung di dalam syariat Islam tetap tegas, tidak menerima sebarang perubahan melalui masa dan melangkah zaman. Sekalipun usianya telah lebih daripada 13 abad lamanya, namun ketegasan hukum-hukumnya tetap tidak pernah berganjak dan keteguhan asas-asas dasarnya tetap tidak bergoyang.

Tetapi kajilah isi undang-undang negara ciptaan manusia, perhatikanlah tatasusila masyarakat buatan Banī Adam, sudah beberapa kali bertukar ganti, sudah beberapa kali dipinda diubah, namun begitu dia masih tetap berada di dalam keadaan serba serbi kekurangan, tidak lengkap, dan jauh daripada dikatakan sudah sempurna. Undang-undang dunia ciptaan manusia masih tetap gagal menjalankan tugasnya dalam segi mengatur masyarakat manusia agar mereka dapat hidup di dalam suasana aman dan damai di setiap masa dan waktu.

(bersambung)

Petikan Sejarah Islam

Dipanah Petir

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan baginda telah membina salah sebuah pintu Masjid al-Aqsa, di samping pintu itu al-Hajjaj bin Yusuf telah membina pula sebuah pintu yang lain.

Pada suatu hari pintu yang dibina oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan itu dipanah oleh petir hingga hangus terbakar, tetapi pintu yang dibina oleh al-Hajjaj terselamat. Berdukacitalah Abdul Malik sewaktu melihat kejadian itu. Perasaan dukacita yang terpendam di hati Khalifah Abdul Malik itu diketahui oleh al-Hajjaj.

Sekembalinya di rumah maka al-Hajjaj pun menulis surat kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Surat itu berbunyi demikian: “Apa yang terjadi di antara patik dengan tuanku tak ubahnya seperti apa yang telah terjadi di antara kedua-dua anak Nabi Adam Qabil dan Habil yang mana Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā telah menerima barang-barang korban Habil dengan membakarnya dan menolak barang-barang korban yang dikemukakan oleh Qabil dengan membiarkan begitu sahaja.”

Sehabis membaca surat al-Hajjaj itu, maka khalifah pun terus tersenyum dan hilanglah perasaan dukacita yang terpendam dilubuk hatinya itu.
